

13/12/1998

Dua karya terbaru Yahaya menggemparkan

iewed by Nor Fadzil

HARI ini buku politik laris macam pisang goreng panas, terutama buku mengenai pemecatan Anwar Ibrahim dari Kabinet dan Umno. Dalam masa dua bulan ini tidak kurang daripada enam buku politik menjadi santapan orang ramai yang mahukan maklumat dari pelbagai sumber, selain daripada media massa popular.

Buku itu dibeli oleh pelbagai lapisan masyarakat yang tertarik dengan peristiwa pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu. Boleh dikatakan peristiwa Anwar menjadi sumber rezeki kepada penulis buku politik bukan saja daripada kalangan penulis terkenal tetapi juga mereka yang mula mencari nama sebagai penulis politik.

Di antara karya politik itu, dua karya Yahaya Ismail menarik perhatian, iaitu Anwar Ibrahim Ya Atau Tidak? (1998) dan Anwar Dan Nalla; Seks + Judi dan Konspirasi (1998).

Kedua-dua buku berkenaan membuat kita berfikir panjang untuk menilai maruah dan kewibawaan Anwar sebagai pemimpin berjiwa Islam.

Sebelum ini, Yahaya pernah menulis sebuah buku politik yang mendedahkan kepincangan kepemimpinan Anwar berjudul Anwar Ibrahim Antara Nawaitu dan Pesta Boria (1993).

Dalam buku itu, penulis meramalkan Anwar akan menimbulkan pelbagai masalah dalam kepemimpinan Umno dan kerajaan sekiranya ahli parti serta rakyat terlalu mudah dipengaruhi oleh ceramahnya yang berbau agama itu.

Ramalan Yahaya terbukti dan kini ia menjadi duri dalam daging kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga kepada Umno serta rakyat jelata.

Selepas membaca ketiga-tiga karya Yahaya itu, saya dapati penulis banyak mengetahui mengenai Anwar bukan saja dari segi peribadinya tetapi juga mengenai perjuangannya yang kini menjadi songsang. Banyak maklumat yang diperolehnya hingga ia dapat memberi analisis politik yang kritikal dan tepat. Tidak banyak pengulas politik di tanah air yang berani memberi buah fikiran yang bebas seperti Yahaya.

Ramai lebih berminat menulis dan memberi pandangan yang dangkal untuk memuaskan selera sebahagian pembaca yang pro-Anwar tanpa memikirkan kesan daripada penonjolan yang sia-sia terhadap tokoh yang kini menghadapi 10 tuduhan rasuah dan meliwat itu.

Pendirian Yahaya lain sekali. Nampaknya dia seorang penulis yang mempertahankan kepemimpinan Dr Mahathir walaupun dia dianggap menentang arus oleh sesetengah golongan pembaca yang memuja Anwar.

Mengapakah Yahaya sanggup mempertahankan kepemimpinan Dr Mahathir sekarang? Bukankah dia terkenal sebagai penulis politik yang banyak mengecam Dr Mahathir pada masa lalu? Apakah yang menyebabkan dia kembali mempertahankan Perdana Menteri? Apakah dia mendapat upah berjuta-juta ringgit daripada salah seorang kroni Dr Mahathir?

Apabila soalan ini dikemukakan kepadanya, Yahaya tersenyum dan berkata: "Saya bukan orang politik. Saya menulis untuk mencari kebenaran dan kepentingan rakyat. Bukan individu. Dulu saya mengkritik Dr Mahathir kerana banyak tindakannya dianggap merugikan kepentingan rakyat dan negara.

"Dalam isu pemecatan Anwar, saya menganggap tindakan Dr Mahathir betul dan kita perlu menyokong kepemimpinannya. Pada saya Dr Mahathir lebih besar jasanya kepada negara, bangsa dan agama daripada Anwar sehingga kini.

"Tetapi sekiranya, selepas kegawatan politik dan ekonomi, Dr Mahathir bersikap sebagai diktator dan membelakangkan kepentingan rakyat, negara dan agama maka saya akan menulis buku mengecam Dr Mahathir lagi."

Inilah sikap Yahaya yang dipertahankannya sejak dahulu hingga sekarang. Dia tidak peduli apakah tulisannya disenangi oleh pihak tertentu yang berkuasa atau tidak. Yang ia utamakan ialah kepentingan rakyat, agama dan tanah air.

Negara kita mesti dipimpin oleh tokoh yang berakhlak mulia, bermaruah tinggi, mempunyai visi dan yakin pada diri sendiri. Kita tidak mahu negara kita menjadi boneka kuasa asing oleh kerana pucuk pimpinan kerajaan lemah dan mudah diperalatkan oleh kuasa asing, iaitu Barat.

Ketegasan pendirian dan perjuangan Yahaya dapat disaksikan dalam ketiga-tiga bukunya mengenai Anwar. Dia dengan berani melontarkan pelbagai idea dan tanggapan mengenai Anwar yang meminta kita menilai dengan minda yang terbuka. Mereka yang taksub terhadap Anwar tentulah tidak senang membaca buku Yahaya.

Tetapi pembaca yang berjiwa kritis dan inginkan kebenaran serta objektiviti dalam penilaian terhadap Anwar tentulah suka membaca karya Yahaya. Kalau cintakan ilmu dan pandangan dari pelbagai sudut kenalah baca karya daripada penulis yang mempunyai tanggapan lain terhadap Anwar. Islam mengajar umatnya mencari ilmu dan kebenaran. Mengapakah kita sendiri menutup minda dan hanya membaca serta mendengar buah fikiran mereka yang sama dengan pendirian kita semata-mata?

Daripada tiga karya Yahaya mengenai Anwar, saya dapati ada consistency dalam penilaian ketokohan Anwar sebagai pemimpin politik.

Misalnya, dalam Anwar Ibrahim Ya Atau Tidak, dia menimbulkan pelbagai isu mengenai apakah Anwar seorang homoseksual atau pun tidak berdasarkan warkah Ummi Hafilda kepada Perdana Menteri itu. Dengan panjang lebar dan dengan hujah yang meyakinkan Yahaya akhirnya membawa pembaca memikirkan apakah akan terjadi kepada bangsa, agama dan negara sekiranya Anwar didapati seorang homoseksual!

Dia melihat daripada kepentingan orang Melayu, Islam, rakyat Malaysia yang berbilang kaum, imej negara dan masa depan Umno sekiranya seorang homoseksual memimpin negara kelak.

Dia juga melihat adanya campur tangan kuasa asing untuk melemahkan kepemimpinan orang Melayu dan Islam sekiranya mereka mengeksploitasikan isu homoseksualiti itu.

Sebelum Perdana Menteri dan Kabinet mengambil keputusan memecat Anwar, Yahaya sudah meramalkannya terlebih dahulu. Anwar, kata Yahaya dalam bukunya, akan dipecat dari Kabinet dan juga Umno. Kira-kira dua minggu selepas pengedaran buku Anwar Ibrahim Ya Atau Tidak, Anwar pun dipecat daripada semua jawatannya dalam Kabinet dan parti.

Selepas Anwar dipecat dan menjerit 'reformasi', Yahaya terbit pula sebuah buku lagi, iaitu Anwar dan Nalla Seks + Judi Dan Konspirasi sebagai lanjutan daripada buku sebelum pemecatan itu.

Buku ini meneroka lebih jauh lagi hubungan Anwar, pejuang Islam dengan Nalla Karuppan yang pernah menjadi pengarah eksekutif dalam syarikat perjudian Magnum.

Soalnya bolehkah seorang pemimpin Islam bersahabat akrab dengan seorang pengarah syarikat perjudian? Tapi apakah persahabatan itu hanya di padang tenis saja atau pun lebih daripada itu?

Yahaya membongkar hubungan mesra antara Anwar dan Nalla. Barangkali pembaca akan terkejut dengan pendedahan persahabatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu dengan pelbagai tauke judi.

Yahaya dikatakan pernah dipanggil Anwar ke rumahnya untuk berbincang empat mata mengenai politik selama tiga jam selepas dia menerbitkan buku Anwar Ibrahim Antara Nawaitu Dan Pesta Boria pada 1993.

Ada sesetengah orang menganggap Yahaya sudah `dibeli' oleh Anwar tetapi nyata Yahaya tetap seperti Yahaya juga - tetap memperjuangkan hak rakyat, bangsa, agama dan kebenaran.

Walaupun dia seseorang memperjuangkan kepemimpinan Dr Mahathir dan kerajaan dalam karya politiknya di tengah kemelut reformasi yang disokong Amerika dan kekuatan Yahudi, namun majoriti rakyat Malaysia tetap bersama Perdana Menteri.

Mereka yang ingin tahu dengan mendalam tindak-tanduk Anwar sebagai pemimpin perlulah membaca ketiga-tiga buku Yahaya yang akan membuka mata hati dan minda.

Buku Yahaya tidak banyak menceritakan hal yang remeh-temeh. Dia membuat penyelidikan dalam penulisannya dan tidak gemar menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip kebenaran untuk menjaga kepentingan umum.

Kepada mereka yang belum mengetahui siapakah sebenarnya Anwar, ketiga-tiga karya Yahaya Ismail akan memeranjatkan pembaca.

(END)